



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Ikhlas bertaubat, tidak ulangi dosa

Islam menggalakkan keseimbangan antara harapan dalam rahmat Allah dan takut terhadap azab-Nya. Kedua-duanya diperlukan untuk menjalani kehidupan yang positif dan rendah hati.

Manusia dilahirkan tanpa dosa iaitu dalam keadaan bersih dan suci. Namun, sekiranya manusia itu melakukan kesalahan, maka dia berdosa.

Tuhan menciptakan manusia dan Dia Maha Mengetahui bahawa kita bukanlah makhluk yang sempurna. Manusia boleh melakukan dosa, tetapi kuncinya ialah bagaimana kita bertindak balas selepas kita melakukan kesilapan.

Dalam Islam, Tuhan adalah Maha Pengampun serta akan mengampun dan memaafkan mereka yang ikhlas bertaubat.

Keindahan langkah untuk taubat ialah ikhlas,

menyesali perbuatan dosa dan tidak mengulangi perbuatan dosa lagi.

Islam menggalakkan pembangunan diri secara berterusan. Proses ini berlaku dengan berhubung secara terus antara individu dan Tuhan.

Firman-Nya dalam **surah az-Zumar, ayat 53 dan 54** bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Hai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah kerana sesungguhnya Allah mengampuni segala dosa. Sesungguhnya Dia Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

"Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat serta berserah kepada-Nya sebelum datang azab kepadamu, kemudian kamu tidak diberikan



pertolongan."

Ayat berkenaan jelas menunjukkan manusia yang terjerumus ke lembah dosa hendaklah segera memohon keampunan daripada Allah dan kembali kepada-Nya.

Ia juga memberikan khabar gembira bahawa Allah mengampunkan setiap dosa bagi sesiapa yang bertaubat walaupun dosa itu terlalu banyak

atau diibaratkan seperti buih di lautan. Rahmat Allah amat luas dan di luar jangkaan manusia.

Dalam ayat lain, Allah berfirman yang bermaksud: "Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dialah yang menerima taubat daripada hamba-hamba-Nya..." (**Surah at-Taubah, ayat 104**)

Kemudian, dalam

surah an-Nisa, ayat 110 bermaksud: "Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya (dengan melakukan maksiat), kemudian dia mohon ampun kepada Allah, nescaya dia mendapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Sekarang, makin jelas kepada kita bahawa Allah memiliki sifat Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Dengan bertaubat, ia dapat membersihkan dosa manusia.

Kisah Nabi Adam dan Hawa memberikan pengajaran terbaik untuk manusia. Mereka melakukan kesilapan dengan memakan buah larangan di syurga.

Selepas menyedari kesilapan dilakukan, maka mereka segera bertaubat sebagaimana yang dirakamkan dalam **surah al-A'raf, ayat 23**

bermaksud: "Mereka berdua merayu: Wahai Tuhan kami! Kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami daripada orang-orang yang rugi."

Allah yang Maha Menerima taubat mengampunkan dosa Nabi Adam dan Hawa dan mereka bersih daripada dosa. Justeru, tidaklah benar Nabi Adam dikatakan mewariskan dosa kepada semua manusia yang dilahirkan.

Hakikatnya, dosa juga tidak boleh berpindah daripada seorang manusia kepada manusia lain kerana manusia bertanggungjawab ke atas dosa masing-masing.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM